

Title : Transformasi Sektor Selepas Jualan

Source : Sinar Harian

Date : 13 February 2014

BERPOTENSI BANGUNKAN EKONOMI SEKTOR AUTOMOTIF

Sementara aktiviti-aktiviti pengilangan kenderaan EEV diberikan keutamaan sebagai landasan baru dalam mempertingkatkan kebolehan dan kemajuan teknologi tempatan, aktiviti selepas jualan juga dianggap sama penting dalam rancangan transformasi ekosistem automotif yang termaktub dalam Dasar Automotif Negara (DAN 2014).

Aktiviti perniagaan dalam sektor selepas jualan merangkumi bidang seperti pembuatan kenderaan, khidmat penyelenggaraan, khidmat baik pulih, bekalan alat ganti kenderaan dan sebagainya. Walaupun sektor ini kurang mendapat perhatian umum yang sewajarnya dan beroperasi tanpa perhatian dan kawal selia pihak berkuasa, namun DAN 2014 mengenal pasti sektor berkenaan sebenarnya mempunyai potensi besar dalam pembangunan ekonomi di dalam sektor automotif.

Rangkaian aktiviti selepas jualan seperti pembekal alat ganti baru, pengimport dan pengedar alat ganti terpakai, bengkel khidmat penyelenggaraan dan baik pulih bebas dan francais, penjualan kenderaan, pemeriksa kenderaan dan kitar semula barang buangan automotif sebenarnya menyediakan peluang pekerjaan kira-kira 300,000 pada 2012. Jumlah perniagaan sebesar RM28.5 billion pada tahun berkenaan menggambarkan kepentingan sektor ini dalam suasana ekonomi negara.

Transformasi sektor selepas jualan yang lebih terkawal selia oleh pihak berkuasa akan meningkatkan lagi khidmat sektor ini dengan lebih tulus dari aspek kos, kemampuan perkhidmatan baik pulih dan servis yang lebih teratur dan dilaksanakan oleh mekanik yang terlatih dan menggunakan alat ganti mengikut piawaian. Lebih penting lagi perlaksanaan sistem kawal selia sektor selepas jualan yang dirancang di bawah DAN 2014 akan memberikan penekanan kepada aspek keselamatan kenderaan dengan mengawal selia semua alat ganti terpakai yang dipasarkan mengikut piawaian yang diguna pakai oleh komuniti antarabangsa.

JANGKA HAYAT KENDERAAN

Perhatian juga akan diberikan kepada aspek pemeriksaan akhir hayat kenderaan, atau End-of-Life Vehicle (ELV). Semua inisiatif ini akan memastikan keselamatan pengguna kenderaan di jalan raya dapat dipertingkatkan.

Salah faham kerap berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan bahawa polisi ELV adalah bertujuan menghapuskan kenderaan apabila mencapai sesuatu tahap umur yang ditetapkan. Sebaliknya, polisi ELV ini adalah bertujuan memastikan semua kenderaan, tanpa mengira umur kenderaan, sentiasa selamat digunakan di jalan raya. Bagi mencapai matlamat keselamatan ini, setiap kenderaan harus menjalani pemeriksaan, mengikut prosedur dan piawaian yang diguna pakai oleh komuniti antarabangsa dan dilaksanakan secara berkala. Bagaimanapun, pelaksanaan polisi ELV ini hanya dilaksanakan apabila infrastruktur pemeriksaan kenderaan telah disediakan dan promosi kesedaran akan kepentingan melaksanakan sistem ELV dalam kalangan masyarakat cukup disebar. Buat masa ini, pemeriksaan ELV ini hanya terbatas kepada kerelaan pengguna sendiri untuk menjalankan ujian ke atas kenderaan masing-masing demi menjaga keselamatan diri sendiri. Pembangunan kemudahan pemeriksaan ELV yang dijangka dilaksanakan secara berperingkat dan selagi kemudahan tersebut belum mampu memberikan perkhidmatan dengan harga berpatutan, pemeriksaan ELV ini akan terus digalakkan secara sukarela dalam kalangan pengguna kenderaan.

Keselamatan awam dalam penggunaan kenderaan automotif akan diperluaskan dengan promosi dan pelaksanaan sistem "Vehicle Type Approval" (VTA), yang ditekankan dalam DAN 2014, terhadap semua kenderaan keluaran tempatan mahupun yang di import. Pemeriksaan VTA menekankan kepada kepentingan kenderaan mematuhi ciri-ciri keselamatan di jalan raya dan aspek pengeluaran emisi udara pencemaran mengikut piawaian yang ditetapkan. Tujuan utama mewajibkan pemeriksaan VTA ini ialah menghalang dari aktiviti mengimport kenderaan berkualiti rendah, atau "sub-standard", terus berlaku yang akan menjejaskan keselamatan pengguna dalam kalangan rakyat negara ini.

Dalam memperkukuhkan lagi pelaksanaan pemeriksaan VTA, DAN 2014 juga akan melaksanakan sistem piawaian mandatori ke atas semua bekalan alat ganti dan

komponen kenderaan yang melibatkan komponen keselamatan di pasaran selepas jualan secara berperingkat. Inisiatif ini secara tidak langsung akan meningkatkan usaha pengilang alat ganti dan komponen tempatan agar produk keluaran mereka menepati piawaian ditetapkan.

Proses penghapusan kenderaan dan juga alat ganti selepas akhir hayat dalam suasana selepas jualan yang tidak dikawal selia adalah satu masalah yang menjadi perhatian umum masyarakat global. Sebagai contoh, penghapusan tayar terpakai yang jutaan terkumpul setiap tahun adalah satu cabaran besar kepada pihak berkuasa dalam usaha untuk menjaga keselamatan dan kebersihan alam sekitar.

Usaha untuk menukar cara proses penghapusan yang tidak sihat dalam kalangan pengusaha adalah menjadi lebih penting dengan jumlah jualan kenderaan yang sentiasa meningkat tahun demi tahun. Bagi mengatasi masalah ini, DAN 2014 memperkenalkan dasar 3R (Reduce-Reuse-Recycle) ke arah menggalakan transformasi aktiviti penghapusan kepada aktiviti kitar semula dan pengilangan semula alat ganti kenderaan selepas akhir hayat. Perniagaan kitar semula dan pengilangan semula alat ganti ini dijangka menyumbang kepada ekonomi negara dan aktiviti sedemikian disasarkan menyumbang sejumlah RM2 billion eksport menjelang tahun 2020.

Penggunaan komponen terpakai melibatkan keselamatan yang diimport tidak dikawal selia atau tidak dipaksa menjalani ujian kejuruteraan secara mandatori adalah membimbangkan dari sudut keselamatan pengguna. Pihak berkuasa menghadapi dilema sekiranya kawal selia diketatkan, harga pasaran alat ganti terpakai import akan meningkatkan dan membebankan pengguna berpendapatan rendah. Disamping itu, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pemeriksaan secara menyeluruh ke atas alat ganti terpakai juga masih lagi berkurangan. Namun usaha ini akan diteruskan pada suatu masa yang sesuai, pemeriksaan ke atas alat ganti terpakai akan menjadi mandatori demi keselamatan pengguna kenderaan di jalan raya. Disamping itu sekiranya aktiviti-aktiviti kitar semula dan pengilangan semula dapat dipercepatkan akan banyak membantu pihak berkuasa mengawal pengimportan alat ganti terpakai secara berperingkat.

Kerjasama dan kesedaran semua pihak akan kepentingan keselamatan dan kebersihan alam sekitar akan menjayakan inspirasi DAN 2014 dalam memastikan sektor selepas jualan yang lebih efisien dan kompetitif. Penerimaan masyarakat umum akan hakikat perlunya sektor selepas jualan automotif ini dikawal selia oleh pihak berkuasa, khususnya dari aspek pengujian ELV dan VTA akan memastikan kenderaan automotif di negara ini lebih selamat digunakan.